Pengumpulan bahan-bahan bacaan sama ada akhbar, majalah, komik, buku resipi, manual, dan lain-lain patut diamalkan oleh sesebuah keluarga. Bahan bacaan yang disusun rapi akan memudahkan ahli keluarga membuat rujukan. Ibu bapa mudah mendapatkan maklumat manakala anak-anak dapat memanfaatkan bahan-bahan tersebut untuk pembelajaran mereka. Di samping itu, tabiat membaca dapat disemaikan dalam kalangan keluarga. Ibu bapa yang suka membaca menjadi contoh kepada anak-anak dalam mengamalkan budaya membaca. Hal ini selaras dengan kata-kata hikmat membaca jambatan ilmu.

Tabiat membaca dalam keluarga berupaya untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan dan kasih sayang. Aliran perasaan ini akan mudah dirasai andainya ibu bapa meluangkan masa di sudut bacaan bersama anak-anak. Selain membaca dan bertukar-tukar fikiran, seluruh keluarga dapat saling membantu untuk memperoleh ilmu dan maklumat. Kewujudan sudut bacaan yang dipenuhi pelbagai bahan bacaan itu juga mampu menjadikan anak-anak menghormati dan menghargai bahan tersebut serta menjadikan bahan bacaan sebagai teman karib mereka. Tuntasnya, kewujudan sudut bacaan di rumah banyak kelebihannya.

i-THINK Peta Alir





SP 3.1.1 Menulis dan menerangkan makna kata, rangkai kata, istilah, ungkapan dan ayat dengan betul mengikut konteks.

Baca petikan di bawah. Kemudian, terangkan makna kata, rangkai kata, dan ungkapan yang berhuruf tebal dengan betul mengikut konteks.

Setiap individu harus sedar bahawa tiada **jalan singkat** untuk berjaya. Kita perlu berusaha dan bersusah payah untuk mendapatkan ilmu pengetahuan, kemahiran, dan pengalaman, seumpama peribahasa **mutiara tidak dimuntahkan timbul oleh laut**. Ilmu hanya diperoleh melalui pembelajaran dan pengalaman.

Sehubungan itu, perkataan malas seharusnya tiada dalam kamus diri golongan pelajar. Mereka harus mengutamakan pelajaran melebihi segala-galanya. Mereka juga seharusnya menumpukan sepenuh perhatian dan masa terhadap pelajaran mereka. Semua ini perlu dilakukan demi memastikan kejayaan dan masa depan mereka terjamin.

Golongan pelajar perlu berkorban masa dan tenaga demi mencapai kejayaan. Tanamkan dalam minda bahawa kecemerlangan tidak akan dicapai dalam **sekelip mata**. Jika sikap ini diamalkan, nescaya kejayaan dalam pelajaran dan sekali gus kejayaan dalam hidup akan jatuh dalam genggamannya. Sikap rajin berusaha ini bertepatan dengan pepatah **berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian; bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian**.

Kesimpulannya, setiap usaha dan keringat yang dicurahkan dalam proses mencapai kejayaan akhirnya akan **berbaloi** dengan kejayaan yang menanti. Hanya dengan ilmu, seseorang itu akan dihormati. Kata orang, **biar miskin asal cerdik, terlawan juga orang kaya**.

1. jalan singkat

Maksud: cara/kaedah mudah/senang

2. mutiara tidak dimuntahkan timbul oleh laut

Maksud: ilmu diperoleh dengan belajar atau dengan pengalaman yang bersusah payah

3. sekelip mata

Maksud: sekejap mata, sesaat

4. berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian; bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian

Maksud: bersusah payah dahulu kemudian baru bersenang-senang

5. berbaloi

Maksud: berpadanan, seimbang

6. biar miskin asal cerdik, terlawan juga orang kaya

Maksud: kepintaran itu melebihi kekayaan

SP 4.1.2 Memahami dan mengapresiasi karya puisi dengan memberikan respons peribadi tentang maksud tersurat dan tersirat dalam sesuatu puisi.

Baca dan fahami sajak di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Kijang yang Lelah

Suara nyaringnya tidak lagi gah bergema
Ketika temulang kudratnya bergetar di tengah rimba
Dia tidak lagi mampu menobatkan takhta
Mengorak telapak di tanah menghijau.

Saat itu
Sebak menyentap dahan kalbu
Dedaun resah mula berguguran
Pepohon batin akhirnya tumbang
Akarnya menguncup di perdu harap.

Hari ini
Dia cuba bangkit dengan kekuatan kaki
Menghambat waktu yang bersisa
Walau dalam jera lelah
Seakan dibelenggu setiap inci jiwa raga.

Bimbang tersadung akar dan jerat
Sang kijang lebih berhati-hati menapak
Meski dalam peribadi yang keruh
Diredah belantara yang mula teduh
Nun jauh di batas nuraninya
Dia tetap menjinjing tekad dan tabah
terus mengorak penuh berhemah
dengan akal dan hati
dia tidak lagi gundah
menyusun gerak dan langkah.

(Dipetik daripada antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3,
Kementerian Pendidikan Malaysia)



1. Bagaimanakah perasaan dan keadaan kijang apabila kekuatannya semakin hilang?

Apabila kekuatannya semakin hilang, kijang berasa sedih dan resah.

2. Seseorang harus bersikap berhati-hati sebelum melakukan sesuatu tindakan. **KBAT** Menilai
Pada pendapat anda, apakah manfaat sekiranya kita mengamalkan sikap berhati-hati?

Pada pendapat saya, manfaat sekiranya kita mengamalkan sikap berhati-hati adalah dapat menyelamatkan diri daripada kemalangan. Selain itu, kita juga dapat menghindarkan diri daripada melakukan perkara yang negatif.


KUASAI
PBD Kemahiran Mendengar dan Bertutur

SP 1.1.2 Mendengar, mengenal pasti dan menuturkan ayat dalam pelbagai ujaran dengan intonasi yang sesuai dan jelas.

Dengar dan kenal pasti isu yang dikemukakan dalam petikan. Kemudian, berbincanglah tentang isu tersebut dengan menggunakan pelbagai ujaran.



- 1 Remaja perlu mendapatkan persetujuan ibu bapa sebelum diberikan suntikan
- 2 Bergantung kepada bekalan vaksin
- 3 Keutamaan vaksin kepada remaja 18 tahun sebelum diberikan kepada remaja berusia 17 tahun, disusuli 16 hingga 12 tahun


AKTIVITI PAK-21
Peta Pemikiran

- Guru membahagikan murid-murid kepada beberapa kumpulan.
- Guru mengagihkan sekeping kad manila dan mengemukakan satu topik, iaitu 'Cara-cara Penjagaan Gigi', kemudian meminta murid mengemukakan pendapat atau kefahaman mereka tentang topik tersebut.
- Seorang murid diminta untuk menulis topik di tengah-tengah kad manila itu.
- Setiap ahli kumpulan diminta untuk menulis idea masing-masing dalam peta pemikiran secara bergilir-gilir.

SP 2.2.2 Membaca dan menganalisis maklumat daripada pelbagai bentuk panduan dengan memberikan respons peribadi yang sesuai.

Lihat poster dan baca panduan yang diberikan dengan teliti. Kemudian, lengkapkan peta pelbagai alir dengan maklumat yang betul.



PENYAKIT KOLERA (TAUN)



Kolera (taun) merupakan penyakit bawaan air dan makanan yang disebabkan oleh jangkitan bakteria *Vibrio cholerae*. Kolera berjangkit melalui pengambilan makanan atau air yang tercemar terutamanya ketika musim banjir.

Tanda-tanda/Gejala:

- Cirit-birit secara tiba-tiba dan berterusan
- Mungkin tidak kencing kerana kekurangan air



- Otot-otot menjadi tegang
- Loya dan muntah-muntah berterusan
- Tekanan darah rendah serta denyutan jantung lemah dan perlahan

PENCEGAHAN:



Minum air yang telah dimasak



Tudung semua makanan supaya tidak dihindangi lalat



Basuh tangan dengan sabun dan air bersih



Makan makanan yang baru dimasak dan masih panas



RAWATAN SEGERA, ELAK KOMPLIKASI

i-THINK Peta Pelbagai Alir



SP 3.3.1 Menulis dan melengkapkan maklumat dalam pelbagai bahan dengan betul dan tepat.

Baca dan fahami maklumat di bawah. Tulis dan lengkapkan maklumat dalam petikan dengan betul dan tepat.



Langkah Mengatasi Masalah Kesihatan Mental

- Mengamalkan gaya hidup sihat
- Bergaul dengan rakan-rakan yang positif dan memberikan sokongan emosi
- Melakukan aktiviti yang disukai
- Mendapatkan nasihat kaunselor

Statistik golongan remaja yang menghadapi masalah kesihatan mental kian meningkat tahun demi tahun. Hampir setiap hari kita melihat golongan remaja Malaysia meluahkan masalah dan tekanan yang dialami dalam media sosial. Di alam realiti pula, ada yang bertindak lebih agresif seperti terjun dari bangunan, jambatan, dan sebagainya. Persoalannya, apakah tanda-tanda remaja mengalami masalah kesihatan mental? Apakah pula langkah-langkah yang harus dilakukan bagi mengatasi masalah kesihatan mental remaja?

Terdapat beberapa tanda remaja mengalami masalah kesihatan mental. Antaranya termasuklah (1) selera makan remaja berkurangan atau berlebihan serta (2) kehilangan minat terhadap hobi atau perkara yang digemari. Selain itu, remaja (3) kerap bersendirian atau mengasingkan diri, malahan (4) mencederakan diri sendiri atau orang lain.

Untuk merawat masalah kesihatan mental, beberapa langkah harus dilakukan oleh remaja. Satu daripada langkah tersebut ialah remaja (5) mengamalkan gaya hidup sihat seperti mengambil makanan seimbang, bersenam, dan tidak merokok. Di samping itu, remaja seharusnya (6) bergaul dengan rakan-rakan yang positif dan memberikan sokongan emosi. Seterusnya, remaja disarankan agar melepaskan tekanan perasaan dengan (7) melakukan aktiviti yang disukai seperti mendengar muzik, berenang, mendaki gunung, dan lain-lain. Remaja perlu (8) mendapatkan nasihat kaunselor sekiranya remaja tidak mampu mengatasi masalah kesihatan mental.

>> Pendidikan Sivik: Nilai Kegembiraan

- Murid menjelaskan kepentingan menjaga kesihatan diri.
- Murid menitikberatkan penjagaan organ tubuh.

SP 5.1.1 Memahami dan menggunakan kata nama am dan kata pinjaman dengan betul.

KUASAI Nota Pintas

Kata Nama Am

1. Kata nama am secara umumnya merujuk kepada nama:
 - (a) manusia – contohnya ayah
 - (b) benda – contohnya cincin
 - (c) binatang – contohnya angsa
 - (d) tempat – contohnya beranda
 - (e) tumbuh-tumbuhan – cempedak

Kata Pinjaman

1. Kata pinjaman ialah kata yang dipinjam secara langsung daripada bahasa asing atau kata yang diterjemahkan atau konsep makna yang ditiru daripada kata asing tersebut.
2. Contoh kata pinjaman ialah imunisasi (bahasa Inggeris) dan infak (bahasa Arab).

Tulis maksud kata nama dan kata pinjaman yang diberikan. Kemudian, bina ayat berdasarkan kata nama dan kata pinjaman tersebut.

Kata Nama / Kata Pinjaman	Maksud	Ayat
1. teknologi	aktiviti atau kajian yang menggunakan pengetahuan sains	Kemajuan sains dan teknologi sebenarnya mempunyai kebaikan dan keburukan.
2. komunikasi	perhubungan secara langsung atau melalui perantaraan	Contoh komunikasi di sekolah ialah perbualan murid sesama sendiri dan guru dengan murid-murid.
3. produktiviti	daya pengeluaran	Produktiviti buruh Malaysia mencatatkan penurunan pada suku pertama tahun 2020.
4. risiko	kemungkinan ditimpa bahaya atau kerugian	Orang ramai dinasihatkan agar duduk di rumah untuk mengurangkan risiko dijangkiti virus COVID-19.
5. insulin	hormon yang dikeluarkan oleh pankreas untuk mengawal kepekatan glukosa dalam darah	Seseorang menghidap kencing manis kerana badannya tidak dapat menghasilkan insulin.
6. bakteria	organisma yang hidup di dalam tanah, air, atau bahan organik	Bakteria dan virus tidak dapat dilihat dengan mata kasar.

MODUL PENTAKSIRAN BILIK DARJAH

KUASAI

PBD

TINGKATAN
3
KSSM

PRAKTIS UASA

BAHASA MELAYU

SISTEM BAHASA

PEMAHAMAN

BAHAGIAN A

⚡ Pemahaman Petikan

BAHAGIAN B

⚡ Pemahaman Petikan

⚡ Novel

PEMINDAHAN MAKLUMAT

BAHAGIAN C

⚡ Ringkasan

⚡ Ulasan

KARANGAN

BAHAGIAN A

⚡ Karangan Respons Terhadap

BAHAGIAN B

⚡ Karangan Respons Terbuka

PRAKTIS UASA 1

SISTEM BAHASA



Peta Konsep
Golongan Kata



Nota Visual
Keperluan Sukatan Pelajaran

KUASAI Nota Pintas

Sistem Bahasa

1. Dalam Ujian Akhir Sesi Akademik, soalan Sistem Bahasa terdapat dalam Soalan Kertas 1 ((02/1), Ujian Bertulis (Pemahaman), Bahagian A dan Bahagian B.
2. Dalam **Bahagian A**, sebanyak **10** soalan diberikan. Semua soalan tersebut berbentuk objektif aneka pilihan (OAP).
3. Dalam **Bahagian B**, sebanyak **4** soalan diberikan. Semua soalan tersebut berbentuk objektif pelbagai bentuk (OPB).
4. Antara soalan yang dikemukakan dalam kedua-dua bahagian ialah aspek morfologi, frasa, sintaksis, dan peribahasa.

PRAKTIS 1 Kata Nama Am dan Kata Nama Khas

KUASAI Nota Pintas

Kesalahan Lazim Kata Nama Am dan Kata Nama Khas

1. (a) Kesalahan menulis kata nama am
 - Seniman itu dianugerahkan pingat oleh *Sultan*. (salah)
 - Seniman itu dianugerahkan pingat oleh *sultan*. (betul)(b) Kesalahan menulis kata nama khas
 - Seniman itu dianugerahkan pingat oleh *sultan Pahang*. (salah)
 - Seniman itu dianugerahkan pingat oleh *Sultan Pahang*. (betul)
2. Kata nama tidak perlu digandakan sekiranya kata bilangan yang menjadi penerang jumlah mendahuluinya.
 - (a) Kesalahan menggunakan kata nama bersama-sama kata bilangan tentu
 - *Kedua-dua buah rumah-rumah* itu milik datuk. (salah)
 - *Kedua-dua buah rumah* itu milik datuk. (betul)
 - (b) Kesalahan menggunakan kata nama bersama-sama kata bilangan tak tentu
 - *Semua murid-murid* menumpukan perhatian terhadap pengajaran yang disampaikan oleh Cikgu Yusni. (salah)
 - *Semua murid* menumpukan perhatian terhadap pengajaran yang disampaikan oleh Cikgu Yusni. (betul)

BAHAGIAN A

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Dia mengucapkan syukur kerana Tuhan telah mengurniainya tubuh badan yang sihat dan _____ yang melimpah ruah.
 - A kerja
 - B rezeki**
 - C nasihat
 - D keluarga
2. Program pencegahan kebakaran itu dapat memberikan _____ kepada murid tentang bidang tugas serta peranan bomba dan penyelamat.
 - A pemberitahuan
 - B permulaan
 - C pendedahan**
 - D pendidikan

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah.



3. Pegawai Pendidikan Daerah itu berbesar hati untuk menyampaikan _____ dalam majlis itu.
 - A anugerah**
 - B bungkusan
 - C ganjaran
 - D bekalan

PEMAHAMAN

KUASAI *Nota Pintas*

Pemahaman

1. Dalam **Bahagian A**, terdapat soalan pemahaman petikan, iaitu **satu petikan** berserta 5 soalan objektif aneka pilihan (OAP) diberikan. Murid perlu membaca petikan dengan teliti, kemudian menjawab soalan-soalan yang berikutnya.
2. Dalam **Bahagian B**, terdapat soalan pemahaman petikan dan novel. Semua soalan berbentuk subjektif respons terhadap.
3. Bagi soalan pemahaman petikan, dua atau tiga bahan berserta **3 soalan** diberikan.
4. Bagi soalan novel pula, 1 soalan diberikan.

BAHAGIAN **»»A**



Pemahaman Petikan

PRAKTIS **1** Prosa Tradisional – Bahagia Sesudah Derita

KUASAI *Nota Pintas*

1. Prosa tradisional merupakan bentuk cerita rakyat yang asalnya disampaikan secara lisan.
2. Biasanya prosa tradisional berkisar tentang persekitaran istana atau kisah anak-anak raja yang mempunyai keistimewaan dan kesaktian.

Baca petikan prosa tradisional di bawah ini dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Maka ia pun bertemu dengan tempat orang membuang sampah di tengah jalan raya itu. Maka ia pun berhentilah ia di situ. Maka dicarinyalah di dalam sampah yang bertimbun-timbun itu barang yang dapat dimakan. Maka dengan **takdir** Allah taala maka bertemulah ketupat sebiji basi dengan buku tebu. Maka dimakannya ketupat itu laki bini. Setelah sudah dimakannya ketupat itu maka barulah dimakannya buku tebu itu. Maka adalah segar sedikit rasa tubuhnya kerana beberapa hari lamanya tiada merasai nasi. Hendak meminta ke rumah orang tidak berani. Usahkan diberi orang hampir pun tiada boleh. Demikian halnya Si Miskin itu.

Maka hari pun petanglah. Maka Si Miskin itu *tiada undur* dari situ lagi. Di sanalah ia tidur. Maka hari pun sianglah. Maka pagi-pagi hari maka Si Miskin pun pergi berjalan dua laki isteri maka bertemulah dengan orang. Maka dilihatnya Si Miskin itu segera mereka mengambil kayu. Maka dilontarnya dan **dipalunya** Si Miskin dua laki isteri itu. Maka ia pun larilah membawa dirinya dengan **berlumuran** darah. Maka kata isterinya, "Wahai kakanda, sangatlah rasa tubuhku tiada berdaya lagi, hancurlah segala anggotaku."

Maka terlalu belas rasanya hati suaminya melihat laku isterinya maka ia pun turut menangis seraya mengambil daun kayu, dimandikannya maka disapunya seluruh tubuh isterinya sambil berkata, "Diamlah tuan, jangan menangis. Sudahlah **untung** kita ini rupanya." Maka isterinya pun diamlah.

(Dipetik daripada *Bahagia Sesudah Derita*, antologi Bintang Hati, Tingkatan 3, Kementerian Pendidikan Malaysia)

»» Bestari Kata

- **takdir** – sesuatu yang telah ditentukan oleh Tuhan
- **dipalunya** – dipukulnya
- **berlumuran** – berlumang / terpalit-palit dengan sesuatu seperti lumpur dan sebagainya
- **untung** – bernasib baik

1. Apakah yang dilakukan oleh orang kampung kepada Si Miskin dan isterinya?
A Memberikan sebiji ketupat dan sebuku tebu
B Melontar dan memukulnya dengan kayu
C Menghina dan mencerca mereka
D Mengusir mereka dari kampung
2. Maksud rangkai kata *tiada undur* ialah
A tidak berganjak.
B terlalu daif.
C tiada kekuatan.
D sangat lemah.

Maka terlalu belas rasanya hati suaminya melihat laku isterinya maka ia pun turut menangis ...

3. Apakah perwatakan Si Miskin berdasarkan pernyataan di atas?
A Setia
B Penyabar
C Berdikari
D Penyayang

4. Pilih pengajaran yang terdapat dalam petikan prosa tradisional tersebut.
A Kita harus berusaha untuk menjalani kehidupan yang sempurna.
B Kita harus mengamalkan sikap belas kasihan.
C Kita harus tabah menempuh ujian dalam kehidupan.
D Kita jangan bersikap pilih kasih terhadap orang yang susah.
5. Pada pendapat anda, apakah usaha yang paling sesuai dilakukan bagi membantu golongan miskin? **KBAT** Menganalisis
A Menempatkan mereka di sesebuah kawasan perumahan untuk memastikan mereka tidak ketinggalan dalam arus kemodenan
B Memberikan latihan dan bantuan modal kepada mereka bagi memulakan perniagaan
C Memaksa majikan mengambil mereka bekerja berbanding dengan warga asing
D Memberikan upah yang mahal kepada mereka untuk menyara hidup

PRAKTIS 2 Cerpen – Legasi Tapai Ubi

KUASAI Nota Pintas

Nilai

1. Nilai bermaksud sesuatu perbuatan atau tingkah laku yang baik dan terpuji dalam diri sesuatu watak dalam sesebuah karya.
2. Antara contoh nilai ialah:
(a) baik hati
(b) berdikari

- (c) keadilan
- (d) kerjasama
- (e) kasih sayang
- (f) kesyukuran
- (g) kerajinan
- (h) patriotisme
- (i) semangat bermasyarakat

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

“Tapai! Tapai! Tapai!”

Jemu benar aku dengan perkataan tapai itu. Sejak kecil aku **disogokkan** dengan tapai. Sebutlah tapai ubi Wak Salikon, semua orang tahu. Wak Salikon bapa aku. Jika ada orang berkata Wak Salikon Tapai Ubi, seluruh kampung kenal. Itu bapa aku! Kalau orang bertanya Parjo Tapai Ubi, itu aku! Aku dan tapai seolah-olah sebati dan **sinonim**. Ah, bencinya!

“Parjo, jangan lupa nanti hantar tapai ke pasar!” jerit bapa dengan **loghat** Jawanya yang pekat. Laungan itu menjadi **rutin** setiap pagi. Maka aku pun tidak pernah menolak untuk berkhidmat menghantar tapai ubi buatan bapa dan emak ke pasar, ke warung, ke kedai kampung dan ke mana-mana sahaja jika ada tempahan.

Itu sahaja yang aku tahu. Akan tetapi kini aku semakin jemu dengan tapai ubi. Lebih-lebih lagi sejak aku memasuki sekolah menengah. Apatah lagi apabila setiap hari aku terpaksa **menjinjit karung** tapai ke kantin sekolah. Parjo Tapai! Itulah gelaran yang diberikan oleh kawan-kawanku yang sama-sama menumpang bas sekolah. Aku malu dan marah juga pada mulanya. Namun *alah bisa tegal biasa*. Aku hanya membantu emak dan bapa mencari rezeki.

(Dipetik daripada *Legasi Tapai Ubi*, antologi Bintang Hati, Tingkatan 3, Kementerian Pendidikan Malaysia)


>> Bestari Kata

- **disogokkan** – diunjukkan
- **sinonim** – kata yang sama atau hampir sama maknanya dengan kata lain
- **loghat** – dialek / bahasa setempat
- **rutin** – kelaziman
- **menjinjit** – menjinjing / membimbit
- **karung** – beg yang dibuat daripada kain yang kasar dan agak tebal

KARANGAN

BAHAGIAN » A

Karangan Respons Terhad



Pembinaan Ayat

KUASAI Nota Pintas

1. Soalan karangan respons terhad dikemukakan dalam pelbagai bentuk seperti rangkai kata yang mengandungi frasa idea, iklan, poster, gambar yang mengandungi frasa idea, dan sebagainya.
2. Panjang karangan yang perlu ditulis adalah antara 50 hingga 80 patah perkataan.
3. Murid dicadangkan supaya menulis karangan pendek ini dalam masa 15 minit sahaja.
4. Murid dikehendaki untuk memahami maklumat dan menulis karangan berdasarkan maklumat yang diberikan.
5. Baca kata kunci soalan agar murid memahami kehendak soalan.
6. Murid harus menulis frasa idea yang diberikan dengan mengembangkannya dalam bentuk perenggan.
7. Pendahuluan harus ditulis dalam ayat yang ringkas dan padat serta terdiri kira-kira 10 hingga 15 patah perkataan.
8. Isi-isi yang dikemukakan hendaklah ada gabung jalin dengan penggunaan penanda wacana, jelas, menarik, dan matang.
9. Murid hendaklah menulis penutup atau kesimpulan yang menggambarkan idea keseluruhan. Penutup atau kesimpulan ditulis sebaik-baiknya 8 hingga 15 patah perkataan.
10. Pastikan tidak ada kesalahan ejaan dan tanda baca.

• **MODEL** Karangan Respons Terhad

Berdasarkan maklumat yang disediakan, tulis sebuah karangan pendek yang panjangnya antara 50 hingga 80 patah perkataan.

Kempen Buku Hijau

rakyat bercucuk tanam – berjimat cermat – menambah pendapatan – memelihara dan menghijaukan suasana sekitar – memaksimumkan penggunaan tanah – memberikan peluang pekerjaan – menggalakkan para belia bertani – menyediakan sumber makanan segar – membantu pertumbuhan ekonomi

Info



Kejiranan Hijau

• **MODEL** Karangan Respons Terhad Lengkap

Kerajaan telah melancarkan Kempen Buku Hijau bagi menggalakkan rakyat bercucuk tanam. Hal ini sejajar dengan kenaikan kos sara hidup.

Kempen ini dapat memupuk minat bercucuk tanam dalam kalangan rakyat. Melalui amalan ini, kita dapat menanam sayur. Dengan ini, kita dapat berjimat cermat kerana tidak perlu membeli sayur. Di samping itu, kita dapat menambah pendapatan kerana lebih sayur dapat kita jual kepada jiran-jiran. Selain itu, kempen ini dapat memelihara dan menghijaukan suasana sekitar apabila kita menanam pokok-pokok bunga. Kempen Buku Hijau juga dapat memaksimumkan penggunaan tanah dan memberikan peluang pekerjaan kepada para belia yang bertani di kawasan tanah terbiar. Kempen ini juga meningkatkan sumber makanan segar dan membantu pertumbuhan ekonomi rakyat serta negara.

Natijahnya, kempen ini dapat menyedarkan rakyat tentang kepentingan bidang pertanian.

KERTAS 1 (02/1)

1 jam 30 minit

Arahan: Jawab semua soalan dalam setiap bahagian.

Bahagian A

[15 markah]

Soalan 1 – 4

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- Semasa majlis ulang tahun Farisha Huda yang ke-15, dia _____ kek dua tingkat.
 - mengerat
 - menghiris
 - memotong
 - mencencang
- Permainan _____ seperti gasing, wau, dan congkak merupakan warisan bangsa yang perlu dipelihara.
 - lama
 - kuno
 - lampau
 - tradisional

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- Abang Izam menunggu buah durian *jatuh* pada waktu malam.
 - Sambutan Hari Guru pada tahun ini *jatuh* pada hari Khamis.
 - Nenek Faridah *jatuh* sakit ketika usianya mencecah 70 tahun.
 - Harga barangan keperluan asas yang *jatuh* minggu lalu, naik mendadak pada hari ini.
 - I dan II sahaja
 - III dan IV sahaja
 - I, II dan III sahaja
 - II, III dan IV sahaja
- Nizam berasa *asing* di rumah keluarga angkat baharunya itu.
 - Penduduk Kampung Jentayu gempar kerana berlaku suatu perkara *asing* di situ semalam.

- Sekumpulan pendatang *asing* tanpa izin telah berjaya diberkas oleh pihak berkuasa.
 - Rakyat Malaysia digalakkan untuk mempelajari bahasa *asing*.
- I dan II sahaja
 - III dan IV sahaja
 - I, II dan III sahaja
 - II, III dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- Nurul ialah murid yang sangat bijak sekali di kelasnya, iaitu Tingkatan Tiga Mulia.
 - terbijak sekali
 - paling bijak sekali
 - teramat bijak sekali
 - sangat bijak sekali
- Azlin pergi ke Klinik Ratna yang terletak di antara kedai basikal dan stesen bas.
 - antara kedai basikal dengan stesen bas
 - di antara kedai basikal dengan stesen bas
 - antara kedai basikal dan stesen bas
 - di antara kedai basikal dan stesen bas

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

- Basikal yang rosak itu telah Encik Halim baiki.
 - Berbagai fesyen pakaian dijual di butik yang baru dibuka itu.
 - Encik Zarif menghadahi anak sulungnya sebuah kereta baharu.
 - Huslan memperoleh keputusan yang cemerlang dalam ujian pertengahan sesi akademik yang lepas.

11. Berdasarkan petikan, rangkai kata *seperti menempelaknya* membawa maksud
- A seolah-olah memukulnya.
 - B seolah-olah mencercanya.
 - C seolah-olah menghinanya.
 - D seolah-olah menganiayainya.
12. Apakah kata-kata Hisyam yang membuatkan Harun berasa tersindir?
- A Kesukaran untuk menguruskan anak-anak
 - B Urusan syarikat yang menyakitkan kepala
 - C Kesusahan untuk menguruskan syarikat keluarga
 - D Keyakinan dan kepercayaan terhadap kemampuan Kak Halimah
13. Latar masyarakat yang digambarkan dalam petikan prosa tersebut ialah masyarakat yang
- A mementingkan ilmu.
 - B teguh memegang janji.
 - C terlibat dalam gejala negatif.
 - D suka bersaing untuk menunjukkan kehebatan diri.
14. Dua orang anak lelakinya itu memalukannya.
- Berdasarkan pernyataan di atas, apakah peribahasa yang sesuai?
- A Hujan jatuh ke pasir
 - B Muka berconteng arang
 - C Bagai kacang lupakan kulit
 - D Bagai kaca terhempas ke batu
15. Perkara yang berikut menggambarkan sikap anak-anak Harun, **kecuali**
- A tamak akan duit.
 - B terlibat dalam lumba haram.
 - C terlibat dalam penagihan dadah.
 - D suka bantu-membantu.

Bahagian B

[30 markah]

1. Dalam bahan di bawah, terdapat **kesalahan-kesalahan ejaan**. Kenal pasti **dua** kesalahan tersebut dan **tulis ejaan yang betul** pada ruangan jawapan yang disediakan.

Iklan mempunyai pengaruh yang kuat dalam kalangan masyarakat. Persoalannya, adakah masyarakat tahu tentang taarif sebenar istilah iklan? Iklan merupakan pemberitahuan kepada orang ramai berkenaan dengan sesuatu maklumat samada melalui media cetak atau media elektronik.

(i) taarif – takrif

(ii) samada – sama ada

[2 markah]

2. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Pada waktu senja, ribu-ribu ekor kelawar keluar dari gua itu.

ribu-ribu – beribu-ribu

(ii) Setengah daripada kek itu ibu berikan kepada jiran tetangga.

ibu berikan – diberikan oleh ibu






[2 markah]

Bahagian C

[15 markah]

Lihat poster di bawah dengan teliti. Berdasarkan maklumat yang terdapat dalam poster tersebut, tulis ulasan yang panjangnya antara **80 hingga 100 patah perkataan**.

JAGALAH KESELAMATAN ANDA SEMASA BANJIR

-  Pindah segera ke pusat pemindahan banjir apabila diarahkan.
-  Jangan biarkan kanak-kanak bermain air banjir.
-  Jangan hampiri dawai elektrik yang jatuh ke dalam air.
-  Elakkan daripada meredah jalan raya yang ditenggelami air.
-  Tutup semua suis utama elektrik, injap utama bekalan air, dan gas.

UTAMAKAN KESELAMATAN SEMASA BANJIR

Antara langkah penjagaan keselamatan semasa banjir ialah kita perlulah berpindah dengan segeranya ke tempat pemindahan mangsa banjir apabila diarahkan oleh pihak berkuasa. Ibu bapa perlulah melarang anak-anak daripada bermain air banjir bagi mengelakkan bahaya. Kita juga perlulah mengelak daripada meredah jalan raya yang ditenggelami air. Seterusnya, suis utama elektrik, paip air, dan dapur gas perlu ditutup sebelum meninggalkan rumah. Kita juga diingatkan supaya menjauhi wayar elektrik yang terjatuh ke dalam air bagi mengelakkan renjatan elektrik. Kita perlulah bersikap peka dan bertanggungjawab demi menjaga keselamatan diri semasa banjir.

[15 markah]





Arahan: Jawab soalan dalam Bahagian A serta satu soalan daripada Bahagian B.

Bahagian A

[10 markah]

Berdasarkan maklumat yang disediakan, tulis sebuah karangan pendek yang panjangnya antara 50 hingga 80 patah perkataan.

PANDUAN KESELAMATAN PENGGUNAAN PERBANKAN DALAM TALIAN

-  Pantau transaksi akaun
-  Gunakan kombinasi kata laluan yang sukar
-  Sentiasa log keluar selepas berurusan
-  Tetapkan had transaksi

Pada masa ini, sesetengah masyarakat gemar menggunakan perkhidmatan perbankan dalam talian. Meskipun mudah, aspek keselamatan perbankan dalam talian perlulah dititikberatkan.

Pertama sekali, pantaulah transaksi akaun peribadi untuk mengelakkan perkara buruk. Kedua, kita hendaklah memastikan kombinasi kata laluan sukar diketahui oleh orang lain untuk mengelakkan akaun mudah digodam oleh pihak ketiga. Log keluar setiap kali selesai menjalankan urusan perbankan, terutama transaksi. Akhir sekali, kita juga harus menetapkan had transaksi dalam sehari untuk mengelakkan pemindahan wang yang tidak sah.

Kesimpulannya, banyak kebaikan diperolehi oleh masyarakat melalui perbankan dalam talian. Namun demikian, masyarakat mestilah sentiasa berhati-hati agar tidak menjadi mangsa.





[10 markah]

Bahagian B

[30 markah]

Lihat gambar dan maklumat di bawah dengan teliti. Kemudian pilih satu daripada tiga soalan yang dikemukakan dan tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 180 patah perkataan.

HARI SUKAN SEKOLAH

	
<p>GAYA HIDUP SIHAT</p>	<p>MEMUPUK PERPADUAN KAUM</p>
	
<p>AKTIF DAN BERSTAMINA TINGGI</p>	<p>ACARA BALAPAN</p>

1. Hari Sukan Sekolah merupakan kejohanan tahunan di sekolah anda. Kejohanan itu berlangsung dengan meriahnya.
Ceritakan pengalaman anda semasa menyertai hari sukan tersebut.
2. Aktiviti kokurikulum, iaitu sukan dan permainan wajar disertai oleh setiap murid kerana banyak memberikan kebaikan.
Huraikan manfaat penyertaan murid-murid dalam aktiviti sukan dan permainan di sekolah.
3. Kejohanan Merentas Desa telah diadakan di sekolah anda. Sebagai setiausaha sidang redaksi majalah sekolah, anda diminta untuk menyediakan laporan tentang kejohanan tersebut.
Tulis laporan anda selengkapnya.



JAWAPAN Tema 1

TEMA
1

Suluh Masa Depan

KUASAI PBD Kemahiran Membaca



KUASAI PBD Kemahiran Menulis

1. cara/kaedah mudah/senang
2. ilmu diperoleh dengan belajar atau dengan pengalaman yang bersusah payah
3. sekejap mata, sesaat
4. bersusah payah dahulu kemudian baru bersenang-senang
5. berpadanan, seimbang
6. kepintaran itu melebihi kekayaan

KUASAI PBD Aspek Seni Bahasa

1. Apabila kekuatannya semakin hilang, kijang berasa sedih dan resah.
2. Pada pendapat saya, manfaat sekiranya kita mengamalkan sikap berhati-hati adalah dapat menyelamatkan diri daripada kemalangan. Selain itu, kita juga dapat menghindarkan diri daripada melakukan perkara yang negatif.